



# MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah



## KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat Pelaksana Sistem (System Implementer) Bumiputera yang berpengalaman membangunkan sistem aplikasi perakaunan yang mematuhi Sistem Perakaunan Standard bagi Agensi Kerajaan (SAGA), berkeelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti di bawah untuk melaksanakan perkhidmatan berikut:

### CADANGAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN SISTEM ENTERPRISE RESOURCE PLANNING (ERP) FASA 1 MARA

NO. TENDER	KOD BIDANG	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
0116/2024	210103, 210104, dan 210107	21/11/2024 (KHAMIS)  Hingga  04/12/2024 (RABU)	05/12/2024 (KHAMIS)  10.00 pagi  Anjung Ilmu, Tingkat 4, Ibu Pejabat MARA, 21, Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur	RM500.00  (dalam bentuk pendrive)	26/12/2024 (KHAMIS) (Sebelum 12.00 tengahari)

**\*\*SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT SEMASA MENGHADIRI SESI TAKLIMAT TENDER\*\***

2. Syarikat hendaklah mengemukakan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen.
3. Satu (1) salinan fotostat Sijil Asal bagi dokumen di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa hendak membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
4. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara WANG POS / DRAF BANK / WANG KIRIMAN POS BERPALANG / KAD DEBIT atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) atau melalui <https://bayar.maraeps.my>. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) Syarikat hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender dan mengemukakan (1) tawaran tender sahaja.
5. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 petang / 2.00 hingga 4.30 petang) pada hari Isnin hingga Khamis dan (8.30 pagi - 12.15 tengah hari / 2.45 hingga 4.30 petang) pada hari Jumaat di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas daripada tarikh akhir tempoh penjualan dokumen ini.
6. Syarikat yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan menghadiri taklimat tender dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Wakil Pegawai Penguasa / Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender.
7. Semua kos yang terlibat dengan tawaran tender di atas adalah menjadi tanggungjawab syarikat masing-masing.
8. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

9. Sekiranya syarikat memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, syarikat hendaklah memastikan dokumen tender yang lengkap selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup. Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Perkhidmatan** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender yang berkaitan** seperti alamat berikut :-

**PENGARAH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN**  
**TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,**  
**21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR**

(Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengahari)

10. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender serta **tidak memasukkan dokumen tender mengikut peti tender yang telah ditetapkan akan ditolak**. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
11. Syarikat hendaklah memastikan dokumen tender tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar /kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
12. Sebarang urusan tender perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.